

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 JANUARI 2015 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pantai barat bakal dilanda ribut petir	Harian Metro
2	Kuala Krai catat suhu kedua paling sejuk selepas Cameron Highlands	Kosmo
3	Beberapa siri hujan lebat diramal landa Pantai Timur	Utusan Malaysia
4	'Musim sejuk' tiba	Harian Metro
5	Sekali air bah semua parah	Berita Harian
6	Temperature falls to 19.4°C in Kuala Krai	The Star
7	6,300 evacuees in 30 relief centres	New Straits Times
8	High tide ends brief respite in S'wak	The Star
9	Sebanyak 33 sekolah di Sarawak ditutup, 22 dipantau rapi	Bernamea.com
10	Suhu di Kuala Krai kedua terendah hari ini - Meteorologi	Bernamea.com

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 20 JANUARI 2015 (SELASA)**

Kuala Krai catat suhu kedua paling sejuk selepas Cameron Highlands

KOTA BHARU – Jajahan Kuala Krai mencatatkan suhu kedua paling sejuk di negara ini selepas Cameron Highlands, Pahang semalam.

Menurut laman web **Jabatan Meteorologi**, Kuala Krai mencatatkan suhu minimum 19.4 darjah Celsius dan maksimum 30.5 darjah Celsius.

Suhu terendah jajahan tersebut kali pertama adalah pada Januari tahun lalu iaitu 17.2 darjah Celsius.

Suhu di Cameron Highlands pula semalam minimum 12.5 darjah Celsius manakala maksimum 22.8 darjah Celsius.

Jabatan Meteorologi dalam

kenyataannya tidak menolak kemungkinan fenomena cuaca sejuk yang pernah berlaku pada tahun lepas kembali berulang.

“Udara sejuk dari pergunungan Himalaya dan Siberia ketika musim sejuk di Hemisfera Utara merupakan penyebab utama kejadian suhu sejuk ekstrem berlaku di utara dan pantai timur Semenanjung pada Januari tahun lepas.

“Kehadiran udara sejuk yang mendap menyebabkan keadaan kurang pembentukan awan. Suhu lebih sejuk pada waktu malam sehingga mencatat suhu serendah 17.2 darjah Celsius seperti berlaku di Kuala Krai tahun lalu,” kata kenyataan itu. – Bernama

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 20 JANUARI 2015 (SELASA)

Beberapa siri hujan lebat diramal landa Pantai Timur

KUALA LUMPUR 19 Jan. - Jabatan Meteorologi meramalkan akan berlaku beberapa lagi siri hujan lebat di negeri-negeri Pantai Timur terutama di Kelantan sebelum musim monsun Timur Laut berakhir pada pertengahan Mac ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Che Gayah Ismail sehubungan itu meminta semua pihak bersiap sedia dan berwaspada bagi menghadapi risiko banjir di kawasan yang rendah selain penurunan suhu di kawasan terbabit.

Katanya, perubahan cuaca dan suhu itu banyak dipengaruhi oleh tiupan angin antara 40 dan 50 kilometer sejam dengan ketinggian ombak 3.5 meter.

"Diramalkan sebelum monsun Timur Laut berakhir pada pertengahan Mac ini akan berlaku empat atau lima lagi siri hujan lebat di Pantai Timur sepanjang bulan ini. Perkara ini juga akan menyebabkan penurunan suhu.

"Sepanjang bulan ini, purata suhu yang dicatatkan adalah 21.6 darjah Celsius manakala suhu terendah adalah 18.6 darjah Celsius di Kuala Krai sehingga semalam berbanding

17.2 darjah Celsius untuk tempoh sama tahun lepas," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Kata Che Gayah, fenomena itu berlaku akibat udara sejuk dari pergunungan Himalaya dan Siberia sewaktu musim sejuk di Hemisfera Utara.

Jabatan Meteorologi ujarnya, akan mengeluarkan maklumat terkini dari semasa ke semasa bagi memantau siri hujan lebat itu dengan mengeluarkan amaran peringkat kuning sebelum berlakunya kejadian tersebut.

"Amaran peringkat kuning akan dikeluarkan 24 jam hingga 48 jam sebelum episod hujan lebat itu melanda.

"Dalam hal ini, kami akan sentiasa menghubungi pihak yang terbabit seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) termasuk polis, bomba dan hospital melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) supaya langkah berjaga-jaga dapat diambil," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menasihati orang ramai agar sentiasa berwaspada dan mengikut arahan yang dikeluarkan pihak berkuasa selain boleh mengikut perkembangan cuaca di laman web www.met.gov.my

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 32
TARIKH: 20 JANUARI 2015 (SELASA)**



SUHU di telefon bimbit pada jam 11 pagi di Kampung Tualang, Kuala Krai menunjukkan 27 darjah Celsius.

Kota Bharu: Suhu di beberapa daerah di negeri ini iaitu Kuala Krai, Machang dan Kota Bharu dilaporkan semakin sejuk apabila menunjukkan penurunan hingga mencecah 19 darjah Celsius berbanding sebelumnya 27 darjah Celsius.

Pengarah Jabatan Meteo-

rologi Kelantan Maqrum Fadzli Mohd Fahmi berkata, suhu berkenaan dicatatkan sekitar jam 4 hingga 8 pagi kelmarin.

Menurutnya, bagaimanapun suhu itu belum dapat mengatasi rekod dua tahun lalu iaitu 17 darjah Celsius.

"Fenomena ini dianggap

biasa kerana tahun lalu suhu lebih rendah berbanding tahun ini.

"Ia tiada kaitan dengan banjir besar yang melanda negeri ini kerana kebanyakannya berlaku di sekitar kawasan berbukit," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, fenomena

itu dijangka berlarutan hingga Februari.

"Saya minta orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi melalui penyebaran maklumat berhubung suhu kononnya berada pada tahap beku kerana setakat ini julat suhu menunjukkan ia masih di tahap biasa," katanya.

Akhbar sebelum ini melaporkan cuaca sejuk melampau dijangka melanda beberapa kawasan di negara ini dalam tempoh terdekat.

Fenomena itu dialami penduduk di negeri pantai timur yang baru dilanda banjir besar, Disember lalu.

